

Norazlina Abd Jalil

From: Mohd Amerul Shafiz Bin Hasbullah <amerul@uum.edu.my>
Sent: Monday, 11 May, 2020 12:49 PM
To: norazlinaabdjil@gmail.com
Subject: Fw: Tugas Akademik Tidak Halang Bantu Kekang Covid-19

Daripada: UUM CORPORATE COMM.
Dihantar: 19 April 2020 8:58
Kepada: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subjek: Tugas Akademik Tidak Halang Bantu Kekang Covid-19



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

19 APRIL 2020 / 25 SYAABAN 1441H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Lt. Kol. (PA) Prof. Ts. Dr. Norazah Mohd Suki

TUGAS AKADEMIK TIDAK HALANG BANTU KEKANG COVID-19



UUM ONLINE: Di saat *frontliners* negara berjuang untuk memutuskan rantai Covid-19, UUM juga tidak duduk diam apabila Timbalan Dekan di Othman Yeop Abdullah Graduate School of Business (OYAGSB), Lt. Kol. (PA) Prof. Ts. Dr. Norazah Mohd Suki yang merupakan Pegawai Bersekutu Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) turut bersama-sama membantu dalam usaha tersebut.

Prof. Ts. Dr. Norazah yang merupakan Timbalan Dekan (Akademik dan Antarabangsa) OYAGSB berkata, beliau berbesar hati apabila dipanggil bertugas di Home Surveillance Center (HSC) Negeri Kedah bersama Sekretariat Pengurusan Bencana Negeri APM Negeri Kedah di Institut Aminuddin Baki Cawangan Utara, Jitra.

“Saya menerima tanggungjawab dan kepercayaan yang diberikan ini dan akan melaksanakan tugas yang diamanahkan dengan sebaik mungkin.

“Usaha untuk mengekang penularan wabak di Negeri Kedah membabitkan individu yang positif Covid-19 dijalankan di Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar, manakala individu negatif atau dikenali sebagai *'person under surveillance'* (PUS) ditempatkan di beberapa stesen kuarantin Negeri Kedah,” katanya yang turut dibantu oleh pensyarah SCIMPA, Prof. Madya Ts. Dr. Norbayah Mohd Suki.

Beliau berkata, tugasnya adalah menyelaraskan pengurusan agensi terlibat di Stesen Kuarantin Institut Aminuddin Baki Cawangan Utara Jitra dalam tempoh kuat kuasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Menurutnya, proses pengurusan individu yang dikuarantin mengikut Prosedur Operasi Standard (SOP) yang dikeluarkan Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

“Selepas pendaftaran rekod oleh petugas KKM yang berpakaian pakaian perlindungan peribadi (PPE), PUS dilengkapi dengan Welcome Kit yang disediakan oleh Jabatan Kebajikan Malaysia (JKM) dan hanya seorang PUS sahaja bagi setiap bilik di stesen kuarantin tersebut dan tidak berkongsi.

“Petugas APM yang berpakaian PPE akan menghantar makanan yang diuruskan oleh JKJ di hadapan bilik PUS tiga kali sehari mengikut jadual. Mereka akan mengetuk pintu PUS sebagai tanda makanan telah pun sampai. Lima minit selepas itu, baru PUS akan mengambilnya,” katanya.

Prof. Ts. Dr. Norazah berkata, sepanjang tempoh tersebut, PUS akan mendapat dua set pakaian hospital untuk digunakan setiap hari.

Menurutnya, pakaian hospital harian ini serta bekas makanan yang dianggap sebagai sisa klinikal perlu diletakkan dalam plastik kuning yang disediakan dan akan dikutip oleh petugas klinikal keesokan harinya bagi memastikan kebersihan PUS sentiasa dijaga..

“PKP 3 yang berkuatkuasa dari 15 hingga 28 April ini merupakan tempoh penting untuk menamatkan penularan wabak Covid-19 di Malaysia.

“Di samping peranan penting KKM, kerjasama semua pihak juga amat diperlukan dalam usaha untuk meratakan lagi lengkung kes dan menamatkan Covid-19 di negara ini,” katanya.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.